

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA  
MERASMIKAN PELANCARAN PESTA KEBU-  
DAYAAN DAN PERDAGANGAN KELANTAN  
DI PADANG DATO PERDANA, KOTA BHARU,  
KELANTAN PADA 18HB JULAI, 1975

Y.A.B. Datuk Haji Mohamed Nasir<sup>1</sup>, Y.B. Datuk Haji Mohd. Asri<sup>2</sup>, Dif-dif terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur kehadzrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat bersama-sama di sini pada petang ini dan seterusnya untuk melancarkan dengan rasminya Pesta Kebudayaan dan Perdagangan Kelantan Kota Bharu 1975 ini. Inilah julung-julung kalinya sebuah bandar dalam Malaysia ini, yang telah mengambil inisiatif merayakan Hari Ulangtahunnya yang Keseratus Tiga Puluh Satu dengan mengadakan Pesta secara besar-besaran seperti ini merangkum kedua-dua bidang tradisional dan moden yang mempengaruhi kehidupan rakyat dan negara.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas penghormatan yang diberi kepada saya merasmikan pelancaran Pesta ini. Di samping itu, sempena hari yang berbahagia ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penduduk-penduduk Kota Bharu khasnya serta seluruh rakyat Kelantan amnya. Saya percaya penduduk Kota Bharu tentulah merasa megah dan gembira kerana bandar kesayangan mereka Kota Bharu ini dapat mendahului bandar-bandar lain mengadakan perayaan yang besar maknanya kepada Negeri ini dan seterusnya kepada Negara. Dari aspek sejarah, Kelantan adalah sebuah negeri yang boleh dianggap unik dengan beberapa keistimewaan yang menjadi warisan nasional.

Kita turut bersyukur juga kerana nenek-moyang kita mempunyai pandangan yang jauh serta keyakinan maka memilih tapak bandar Kota Bharu ini menempoh ujian zaman dan masa. Kalau diamati benar-benar mereka bukanlah orang yang berpengetahuan begitu mendalam seperti pakar-pakar kita pada hari ini, tetapi

**1 Menteri Besar Kelantan.**

**2 Menteri Tanah dan Gaiian serta Tugas-tugas Khas.**

hanya berpandukan "intuition" dan pengalaman mereka dalam kehidupan sehari-hari. Begitulah mereka memilih tempat untuk kampung dan kemudian menjadi pusat perniagaan.

Sekarang ini terpulang kepada pakar-pakar bandaran kita menyesuaikan perkembangan bandar-bandar tersebut supaya dapat menampung segala keperluan masyarakat di zaman moden ini. Kesesakan dan masalah-masalah yang kita hadapi berhubung dengan perkembangan bandar-bandar di negara kita lazimnya timbul oleh kerana kita tidak pantas menyediakan keperluan-keperluan masyarakat yang semakin ramai bagi menghadapi kehendak-kehendak zaman ini.

Saya harap semua pihak yang bertanggungjawab berkenaan kesejahteraan dan kemajuan sesebuah bandar itu akan bersedia dengan blueprint masing-masing supaya masalah-masalah yang dihadapi oleh bandar-bandar seperti Kota Bharu ini diselesaikan sementara menghindarkan masalah-masalah lain timbul dari masa ke semasa.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagai satu langkah positif untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh bandar-bandar di Malaysia ini, saya telahpun mengarahkan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar agar menyegerakan tindakan-tindakan menyusun semula Majlis-majlis Tempatan menjadi Pihak Berkuasa Tempatan.

Kerajaan-kerajaan Negeri juga adalah diharap akan memberi kerjasama bagi menyegerakan pembentukan Pihak Berkuasa Tempatan tersebut. Dengan terlaksananya badan yang baharu ini, maka dapatlah diatur dan disusun rancangan-rancangan jangka pendek dan jangka panjang supaya segala yang menjadi masalah itu dapat diatasi. Dengan demikian penduduk-penduduk bandar akan dapat hidup dalam keadaan selesa dan mendapat keperluan-keperluan hidup yang sepatutnya.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, kebanyakan bandar-bandar kita di Malaysia masih belum dapat menandingi kebanyakan bandar-bandar di negara-negara maju. Ini adalah

disebabkan pentadbiran bandar-bandar belura lagi kemas dan masih terdapat fahaman-fahaman lama dijadikan asas bagi menyelenggarakan bandar-bandar tersebut.

Bagaimanapun, keadaan ini sudah mula berubah dan konsep-konsep baru telah mula dijadikan panduan bagi menyegerakan perkembangan bandar-bandar di negara kita. Saya harap pihak-pihak yang berkenaan akan memandangkan perkembangan itu bukan hanya setakat keuntungan yang diperolehi oleh pemaju-pemaju perumahan tetapi yang lebih penting kesejahteraan hidup penduduk-penduduk supaya memberikan quality of life yang sewajarnya-

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka juga merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan kerana inilah pertama kalinya perayaan menyambut ulangtahun sesuatu bandar dikaitkan dengan perdagangan dan perindustrian. Memang wajar bandar Kota Bharu memelopori usaha ini kerana orang-orang Melayu Kelantan sudah terkenal di dalam dan luar negeri berusaha dan teguh dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Selain dari mengerjakan pertanian, ramai orang-orang Melayu Kelantan termasuk wanitanya menceburkan diri dalam sektor ekonomi modern hari ini.

Kalaulah disebut perusahaan-perusahaan tradisional seperti membuat barang-barang emas dan perak, menenun kain serta membuat batik, menjalankan usaha-usaha membuat genting dan ukiran kayu, sudah tentu usaha-usaha ini dikaitkan dengan Negeri Kelantan. Kalau Selangor masyur dengan Selangor Pewternya, Kelantan pula adalah terkenal dengan Kelantan Silver, Kelantan Songket dan Kelantan Batik. Pelancang-pelancang dari luar negeri sudah tidak asing lagi dengan barang-barang perak dari Negeri Kelantan dan saya diberitahu barang-barang ini amat diminati di Australia.

Demikian juga dengan perusahaan batik, kita semua tahu Kelantanlah yang memasyurkan Batik Malaysia di luar negeri. Dengan cipta seni, kerajinan dan kecekapan ahli-ahli ukir Kelantan memang susah ditandingi. Bagi pihak Kerajaan, kita telah menyediakan rancangan tertentu supaya kejayaan yang telah dicapai oleh pengusaha-pengusaha Kelantan itu akan lebih berlipat ganda lagi. Kawasan-kawasan dan tapak-tapak perindustrian

disediakan. Di Pongkalan Chepa, umpamanya, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah mengambil tindakan menyediakan kawasan perindustrian, sebahagian daripadanya untuk Free Trade Zone. Begitu juga agensi-agensi Kerajaan yang lain memberi segala bantuan supaya matlamat Dasar Ekonomi Baru akan dicapai.

Saudara-saudara sekalian,

Menyentuh tentang kebudayaan pula, kita maklum kebudayaan mestilah mencerminkan kehidupan kita sehari-hari. Kebudayaan tidak memadai dengan tarian-tarian sahaja bahkan lebih luas dari itu. Dengan adanya pameran serentak ini, kita dapat menyaksikan iaitu kebudayaan Malaysia bukanlah kebudayaan yang beku bahkan hanya dengan unsur-unsur seni yang menambah darjah kehidupan kita. Bagaimanapun, unsur-unsur ini perlu diubahsuai supaya dapat kita menghadapi cabaran-cabaran kehidupan di zaman moden ini dan mengembangkan untuk penerimaan seluruh masyarakat sebagai warisan bangsa.

Saya fikir Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan patutlah memusatkan perhatian kepada unsur-unsur dan nilai-nilai kebudayaan yang positif di kalangan masyarakat kita supaya dapat digunakan serta disegarkan menjadi nilai yang boleh memajukan kehidupan rakyat. Kita dapat menggunakan nilai-nilai ini untuk membendung gejala-gejala buruk yang boleh merosakkan masyarakat kita terutamanya dadah. Kemerosotan akhlak di kalangan muda mudi kita.

Saudara-saudara sekalian,

Akhir kata, saya suka sekali lagi mengucapkan tahniah dan pujian kepada rakyat dan Kerajaan Negeri Kelantan atas sambutan Ulangtahun Yang Keseratus Tiga Puluh Satu Bandar Kota Bharu ini. Kita berdoa ke hadat Allah Subhanahu Wataala agar bandar ini akan terns mencapai segala kejayaan dan menjadi pusat perniagaan dan perindustrian yang terpenting di Pantai Timur ini.

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Pesta Pembangunan Perdagangan Kota Bharu, Kelantan 1975.